



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## PERBICARAAN KES SAMAN JENAYAH DAN GUAMAN SIVIL OLEH LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)

GUA MUSANG, 20 Februari 2017 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa terdapat dua (2) sebutan kes saman jenayah dan dua (2) sebutan kes guaman sivil dibicarakan di Mahkamah Majistret Gua Musang, Kelantan pada hari ini. Berikut adalah keputusan penghakiman yang diberikan oleh Mahkamah:

### 1. Kes 1: Saman Jenayah

- Ahmad Zaki Bin Ibrahim (51 tahun) didakwa di bawah seksyen 112(1) ACP 1967 atas kesalahan gagal mengemukakan borang cukai pendapatan bagi Tahun Taksiran 2012. Jika disabitkan kesalahan, beliau boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari RM200.00 dan tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya sekali.
- Walau bagaimanapun, tertuduh tidak hadir pada perbicaraan yang berlangsung hari ini di hadapan hakim Tuan Mohd Rosly Mohamed Nawi. Justeru LHDNM melalui Peguam Hasilnya, Surani Binti Che Ismail telah membuat permohonan agar waran tangkap dikeluarkan terhadap tertuduh. Permohonan LHDNM telah dibenarkan dan Majistret menetapkan tarikh sebutan semula kes untuk waran tangkap pada 11 April 2017.

## 2. Kes 2: Saman Jenayah

- Chong Sam Chon (59 tahun) didakwa di bawah seksyen 112(1) ACP 1967 atas kesalahan gagal mengemukakan borang cukai pendapatan bagi Tahun Taksiran 2012. Jika disabitkan kesalahan, OKS boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari RM200.00 dan tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara tidak lebih 6 bulan atau kedua-duanya.
- Tertuduh mengaku bersalah dan merayu diringankan hukuman/denda. Mahkamah telah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan dan denda berjumlah RM200 terhadap tertuduh. Peguam Hasil, Surani Binti Che Ismail memohon kepada hakim satu perintah lanjutan di bawah seksyen 112(2A) ACP 1967 supaya tertuduh mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) dalam tempoh 30 hari dari tarikh hukuman bermula.
- Peguam Hasil juga memohon satu tarikh baharu untuk memastikan tertuduh mematuhi perintah lanjutan tersebut. Hakim Tuan Mohd Rosly Mohamed Nawi telah membenarkan permohonan perintah lanjutan tersebut dan menetapkan tarikh sebutan kes pada 21 Mac 2017 untuk memantau tertuduh patuh kepada perintah lanjutan tersebut.

## 3. Kes 3: Guaman Sivil

- Kwa Boon Hooi (55 tahun) yang juga Penghutang Penghakiman (Judgment Debtor) telah diperintahkan oleh mahkamah melalui Aturan 48 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (KKM 2012) untuk membayar jumlah tuntutan berjumlah RM19,937.46 (termasuk kos dan faedah mahkamah) yang diperoleh melalui penghakiman pada 26 Januari 2015.
- Hakim Tuan Mohd Rosly Mohamed Nawi telah meminta tertuduh untuk membuat tawaran kepada mahkamah untuk membayar ansuran bulanan kepada pihak LHDNM. Tertuduh memaklumkan beliau hanya boleh membayar ansuran bulanan sekitar RM100 – RM400 memandangkan beliau tidak mempunyai pekerjaan, tiada pendapatan dan hanya bergantung kepada wang pemberian anak-anak.

- Atas pertimbangan Hakim, mahkamah telah memerintahkan tertuduh untuk membayar ansuran bulanan berjumlah RM200 mulai bulan Mac 2017 sehingga penyelesaian penuh.

#### 4. Kes 4: Guaman Sivil

- Chew Keak Euan (50 tahun) dituduh di bawah seksyen 103 ACP 1967 iaitu gagal menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) Tahun Taksiran 2014 dan gagal membayar cukai dalam tempoh yang ditetapkan. Saman difailkan terhadap Defendan atas amaun cukai yang kena dibayar berjumlah RM36,181.06.
- Walau bagaimanapun, defendan tidak hadir pada perbicaraan yang berlangsung pada hari ini. Justeru LHDNM melalui Peguam Hasilnya, Surani Binti Che Ismail telah membuat permohonan penghakiman ingkar direkodkan kepada tertuduh dan Hakim Tuan Mohd Rosly Mohamed Nawi membenarkan penghakiman ingkar direkodkan kepada tertuduh.

Sila layari laman web rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) untuk keterangan lanjut.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif**  
**Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**  
Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)  
Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 20 Februari 2017.**